



جباتن فغايران دان ساليان
لاروت ماتع دان سلام
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN,
LARUT, MATANG DAN SELAMA,
34000 TAIPING,
PERAK DARUL RIDZUAN.
Telefon: 05-8073694 Faks: 05-8063152
E-mel: jpslms@perak.gov.my



Seperti Senarai Edaran

Ruj.Kami : JPS.LMS.200-07.05 (24)

Tarikh : 12 Jamadilakhir 1439

28 Februari 2018

Y. Bhg. Dato'/Tuan,

JEMPUTAN PERTANDINGAN MENDAYUNG PERAHU "PERAHU PERAK CHALLENGE" SEMPERA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

- ... 2. Dimaklumkan bahawa sempena Sambutan Hari Air Sedunia peringkat Kebangsaan pada 24 Mac 2018 di Laman Budaya Kuala Kangsar, Perak, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Larut, Matang dan Selama telah diberi kepercayaan untuk mengelolakan pertandingan mendayung perahu "Perahu Perak Challenge" seperti ketetapan berikut:


Tarikh & Masa : Saringan 23 Mac 2018 / 8:00 pagi
Akhir 24 Mac 2018 / 10:00 pagi
Tempat : Laman Budaya, Kuala Kangsar, Perak

3. Sehubungan dengan itu, dengan rasa sukacitanya Jabatan/agensi Y. Bhg. Dato'/tuan dijemput untuk menyertai pertandingan ini. Setiap pasukan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00 dan dibayar semasa pendaftaran pada 23 Mac 2018. Bersama-sama ini dilampirkan Borang penyertaan serta syarat-syarat pertandingan untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Sebarang pertanyaan sila hubungi En. Addy Sham bin Jaafar, Nombor telefon : 05-8073694/019-5563306 Urusetia "Perahu Perak Challenge".

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"NEGARAKU ALAM SEKITARKU"

Saya yang menurut perintah,


(Ir. Vasukey a/p Palany Kumar)
Juruteru Daerah,
JPS Larut Matang dan Selama.
Taiping.

(SILA CATATKAN RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB)
"LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI"



PERATURAN PERTANDINGAN PERAHU PERAK

1. UNDANG-UNDANG

Pertandingan ini dijalankan mengikut Perse International Canoe Federation, International Dragon Boat Federation (IDBF) dan diubahsuai oleh Urusetia Pertandingan Perahu Perak 2018

2. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

Terbuka 300 meter (melawan arus)

3. HADIAH

Tempat Pertama RM3,000.00 dan Medal

Tempat Kedua RM2,000.00 dan Medal

Tempat Ketiga RM1,000.00 dan Medal

4. LOKASI PERTANDINGAN

Persisiran Sungai Perak, Laman Budaya Kuala Kangsar

5. PERATURAN AM

Bagi *Pertandingan Perahu Perak* syarat penyertaan adalah seperti berikut :

- 5.1 Peralatan pertandingan seperti perahu dan pendayung akan disediakan oleh pihak penganjur manakala Pasukan hendaklah menyediakan Jaket Keselamatan sendiri.
- 5.3 Pasukan yang Pesertanya tidak memakai Jaket Keselamatan tidak dibenarkan untuk bertanding.
- 5.4 Peserta mesti berada ditempat permulaan 20 minit sebelum permulaan acara.
- 5.5 Jumlah pedayung ialah 14 orang, 1 tekong & 1 jurumudi, (16 orang sepasukan) dan 4 simpanan
- 5.5 Pihak penganjur berhak mengubah atau mengganti syarat pertandingan bagi memastikan kelancaran kejohanan ini.

5.6 Setiap peserta mestilah sihat dan tidak menghidap sebarang penyakit. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terjadi sebarang malapetaka sebelum, semasa atau selepas pertandingan berlangsung.

5.7 Segala peraturan dari IDBF akan digunapakai sekiranya berlaku pertikaian. Semua keputusan pengadil adalah muktamad.

6. PERTUKARAN PEMAIN

Peserta gantian mestilah terdiri daripada peserta-peserta yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran.

7. PENDAFTARAN

Setiap pasukan dikenakan bayaran pendaftaran sebanyak RM100.00 dan tarikh tutup pendaftaran adalah pada 9 Mac 2018.

8. SISTEM PERTANDINGAN

Saringan dan Final

9. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

Pasukan yang melintasi garisan penamat akan dianggap sebagai pemenang.

10. TINDAKAN TATATERTIB

Pasukan yang melanggar peraturan dengan sengaja akan dibatalkan keputusan dan penyertaannya.

11. KELEWATAN

Pasukan yang lewat sepertimana pada para 5.4 tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dan dicatatkan sebagai Kalah.



**BORANG PENYERTAAN "PERAHU PERAK CHALLENGE"
SEMPENA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2018**

NAMA PASUKAN :

KETUA PASUKAN :

NO. TELEFON :

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN

Sila Faks Borang Pendaftaran ini ke talian 05-8063152 sebelum 9 Mac 2018